

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 16 DISEMBER 2014 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Dr Abd Latif felo ASM baru	Harian Metro
2	Himpun pakar kayu	Harian Metro
3	Makmal Pusat Loji SSP2 menang anugerah kali ketiga	Utusan Malaysia
4	Leading the way in postgraduate research	The Star
5	Standards Malaysia gesa PKS guna piawaian antarabangsa, amal budaya kualiti	Bernamea.com
6	Banjir: Lebih 500 dipindahkan di Terengganu	Utusan Malaysia
7	Amaran hujan lebat peringkat jingga di Kelantan, Terengganu	Bernamea.com
8	134 mangsa banjir gelombang kedua Terengganu dipindah	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (AGRO) : MUKA SURAT V3
TARIKH : 16 DISEMBER 2014 (SELASA)



Dr Abd Latif felo ASM baru

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Datuk Dr Abd Latif Mohmod yang juga penerima Anugerah Saintis Penyelidikan Terbaik Malaysia (TRSM) dilantik felo Akademi Sains Malaysia (ASM) yang baru.

Dr Abd Latif mendapat pengiktirafan itu sempena Majlis Penganugerahan Felo 2014 dan Pengumuman Anugerah Saintis Penyelidikan Terbaik Malaysia 2014 dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, baru-baru ini.

Beliau dipilih hasil kepakarannya dalam produk pemprosesan, penggunaan produk hutan bukan kayu (buluh, rotan, palma).

Beliau bersama 17 saintis lain menerima sijil anugerah yang disam-

paikan Najib.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin dan Presiden ASM Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Abd Latif adalah saintis FRIM kelima yang menerima

pengiktirafan sebagai felo.

Sebelum ini, bekas KP FRIM pertama, Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor, bekas KP FRIM yang kedua, Datuk Dr Abd Razak Mohd Ali, bekas Timbalan KP FRIM, Dr Francis Ng dan Pengarah Bahagian Biodiversiti FRIM, Dr Saw Leng Guan turut mene-

rima anugerah sama.

Beliau juga saintis FRIM pertama menerima Anugerah TRSM sebagai pengiktirafan sumbangan dan usaha yang konsisten dalam menggerakkan penyelidikan perhutanan.

Abd Latif yang mengambil alih pucuk pimpinan

FRIM sejak Mei 2008 adalah saintis perhutanan pertama dan satu-satunya penerima pengiktirafan Anugerah Saintis Muda Negara (1993), Outstanding Young Malaysian Award (1999) dan Eisenhower Fellowship dari Amerika Syarikat (1999).

Beliau juga penerima ter-

muda 'IUFRO Scientific Achievement Award' ketika berusia 34 tahun pada 1995, 'Anugerah National Inventor Award (1997), Rotary Research Gold Medal Award (2012)' dan Anugerah Pencapaian Sains dan Teknologi (S&T) dari Malaysia Scientific Association (MSA) pada 2012.

Di bawah kepimpinannya, FRIM terus berkembang sebagai pusat rujukan berwibawa terutamanya dalam bidang penyelidikan hutan tropika dan keluaran hutan.

Bagi 2012, FRIM memenangi tujuh anugerah antarabangsa, sembilan anugerah kebangsaan dan 12 Malaysia Book of Records.

Terkini FRIM meraih Anugerah Inovasi Negara 2013 (Kategori Produk) dan Anugerah Harta Intelekt Negara (AHIN) 2014 (Kategori Paten) untuk sistem rawatan kayu melalui Pengeringan Suhu Tinggi (HTD).



ABD Latif (kanan) menerima sijil perlantikan daripada Najib sambil diperhatikan Rosmah dan Ewon di majlis itu.



NAJIB, Rosmah dan Ewon bersama semua penerima anugerah Felo ASM yang baru.

Himpun pakar kayu

Simposium rangsang industri perabot ke peringkat global



Oleh Mohd Sabran Md Sani
 sab@hmetro.com.my

Mengumpulkan ramai pakar untuk berkongsi ilmu berkaitan industri perakayuan negara antara usaha dilaksanakan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Pusat Sumber Teknologi Perabot MARA (FITEC), baru-baru ini.

Bertempat di Port Dickson, Negeri Sembilan, seramai 200 peserta terdiri daripada usahawan perabot, pereka, kakitangan pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta pelajar institut pengajian tinggi (IPT) menyertai simposium ini.

Berlangsung selama dua hari, impak simposium ini dilihat cukup besar dalam merangsang industri perabot ke tahap lebih tinggi, sekali gus mencapai standard antarabangsa.

Dibantu seorang moderator, setiap pakar dipanggil untuk membentangkan kertas kerja masing-masing.

Bertemakan Reka Bentuk Perabot-Keselesaan Pengguna, simposium kali

kedua itu bagi menggalak dan mengukuhkan industri perabot Malaysia di peringkat global.

Sektor perabot negara adalah sektor hiliran yang berkembang dari setahun ke setahun.

Jumlah eksport perabot meningkat secara konsisten kepada lebih 6.2 bilion setahun sejak 2007 hingga tahun lalu.

Kini ada 1,895 kilang perabot di seluruh negara menghasilkan perabot bagi kegunaan tempatan dan antarabangsa.

Simposium itu mengemukakan tiga pengucap utama iaitu Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, Dekan Pusat Pengajian Seni Universiti Sains Malaysia (USM) Profesor Madya Mohamad Omar Bidin dan rakan kongsi Roland Berger Strategy Consultants Sdn Bhd Malaysia John Low.

Pakar FRIM membentangkan dua topik iaitu Kepentingan Ujian Perabot Untuk Memenuhi Kepuasan Pelanggan oleh Pengarah Bahagian Keluaran Hutan Dr Rahim Sudin.

Topik kedua adalah Sistem Pengeringan Suhu Tinggi (High Temperature Drying atau HTD) oleh Ketua Program Pemprosesan Termaju dan Rekabentuk Dr Tan Yu Eng.

Industri perabot negara

juga diperkenalkan dengan produk kayu kelapa sawit hasil penyelidikan pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Berpengalaman selama 15 tahun sebagai tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA), Ahmad Fauzi Awang membentangkan kertas kerja bertajuk Kaedah Baru Pengeringan Kayu Kelapa Sawit.

Sesi forum hari kedua bagi membincangkan pelbagai isu seperti bahan-bahan mentah alternatif, peranan FITEC dalam membantu industri perabot, serta kepentingan reka bentuk dan pensijilan.

Kebanyakan isu dibangkitkan peserta banyak ditumpukan kepada perabot bercirikan Malaysia.

Pada masa sama, sebuah buku bertajuk Pembuatan Kapal Tradisional Melayu dilancarkan Ketua Pengarah MARA Datuk Ibrahim Ahmad yang disaksikan Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod.

Simposium itu mendapat sokongan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), kerajaan Negeri Sembilan, Majlis Reka Bentuk Malaysia (MRM), Universiti Putra Malaysia (UPM), UiTM, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB).

FOTO: MOHD KHIDIR ZAKARIA



IBRAHIM (dua dari kanan) melihat produk perabot dipamerkan.



PESERTA mendengar pembentangan pakar.



KUALITI produk.



BAHAN kajian.



DR Abu Bakar turut memberikan sokongan.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA) : MUKA SURAT 27
TARIKH : 16 DISEMBER 2014 (SELASA)



PENGARAH Eksekutif Bahagian Operasi dan Penyelenggaraan Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd. (PNSB), Abd. Rashid Abd Satar, (tengah) bergambar bersama kakitangan PNSB selepas menerima Anugerah Kecemerlangan Makmal daripada Institut Kimia Malaysia dalam satu majlis di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Makmal Pusat Loji SSP2 menang anugerah kali ketiga

KUALA LUMPUR 15 Dis. - Makmal Pusat Loji Sungai Selangor Fasa 2 (SSP2) milik Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd. (PNSB) mencipta kejayaan manis apabila dipilih sebagai penerima Anugerah Kecemerlangan Makmal daripada Institut Kimia Malaysia (IKM) buat kali ketiga berturut-turut.

Majlis penyampaian anugerah itu telah diadakan di Pusat Konvensyen Sime Darby di sini, baru-baru ini.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.

Berdasarkan pengauditan yang dilaksanakan oleh IKM, makmal

berkenaan dinilai daripada tiga aspek iaitu air mentah, air separa terawat dan air minuman.

Elemen yang dinilai termasuk aspek pengurusan dan keselamatan yang telah diaudit mengikut standard kualiti MS180/IEC 17025 serta standard keselamatan dan kesihatan makmal.

Pengarah Eksekutif Bahagian Operasi dan Penyelenggaraan, Abd. Rashid Abd Satar hadir mewakili syarikat itu bagi menerima anugerah berkenaan.

Menurutnya, kejayaan tersebut adalah hasil kerjasama semua pihak di syarikat itu dalam memastikan makmal tersebut beroperasi dengan cekap dan berkesan.

Leading the way in postgraduate research

UCSI'S deputy vice-chancellor (research and postgraduate studies) Prof Datuk Dr Nizam Isa does a lot to bolster the university's research credentials.

A specialist in genomic medicine and human genetics, Prof Nizam's pioneering work in the field has garnered him many firsts, including being the founding director of the first human genome centre in Malaysia back in 1993.

"I previously experienced technological constraints, the lack of research funding and public awareness but now the path has been paved for others to pursue research," he says, adding that the centre is still pursuing advanced research in genomic medicine.

His wealth of experience and passion for research saw him being appointed to manage and lead UCSI's Office of Research and Postgraduate Studies.

Prof Nizam points out that UCSI is already making an impact in research that matters. Many of its staff members are experienced researchers with notable projects and respected publications that have been funded by local and international research grants.

Other researchers from the university have secured research grants from Malaysia's Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) and Ministry of Education (MOE), such as the eScienceFund and the Fundamental Research Grant



UCSI's postgraduate programmes aim to groom the next generation of scientists. With staff members who are experienced researchers and by using cutting-edge lab technology.

Scheme (FRGS).

Research within the university stems from various fields such as applied sciences, medicine, pharmacy, business, information science, engineering and nanotechnology.

In line with Malaysia's aim to become a high-income and innovative nation by 2020, UCSI is ramping up its efforts to boost the quality and

global competitiveness of its postgraduate programmes.

The rationale is simple – a high-income nation is dependent on an innovation-based economy founded on high level knowledge and creativity.

This was identified by the National Higher Education Strategic Plan: Beyond 2020. UCSI is a strong advocate of this national agenda.

As a tertiary education institution that grooms the minds of the next generation, UCSI realises it has a responsibility to further research and innovation through its postgraduate programmes to enhance human capital development.

UCSI has 20 postgraduate programmes to date, with several more to be made known soon.

To meet the needs of its students, the postgraduate programmes encompass research, coursework and mix-mode structures.

The university adheres to high-quality and innovative teaching and learning technology, and student-centred learning.

UCSI also offers postgraduate programmes that incorporate management, entrepreneurship and business.

To ensure that its postgraduate programmes are accessible, the university has also allocated funds under the UCSI University Trust Graduate Fellowship, which offers both locally and internationally qualified postgraduate students full or partial tuition fee waivers.

Additionally, Prof Nizam and his team are constantly looking for means to help students secure postgraduate sponsorship,

be it local, governmental or international sources.

All graduates and working individuals who are planning to pursue their career through higher education are encouraged to explore the opportunities at UCSI.

To find out more about UCSI's research projects or postgraduate programmes, visit its Open Day on Dec 20, from 9am to 5pm at the Kuala Lumpur Campus (South Wing), Taman Connaught.

■ For more information, call 03-9102 4739 or visit www.ucsiuniversity.edu.my/onlineenquiry

As the founding director of the first Human Genome Centre in Malaysia, Prof Nizam does a lot to bolster UCSI's research credentials.





Standards Malaysia Gesa PKS Guna Piawaian Antarabangsa, Amal Budaya Kualiti

Oleh Rosemarie Khoo Mohd Sani

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Pihak perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlu mengguna pakai standard atau piawaian antarabangsa serta mengamalkan budaya kualiti sebagai syarat awal kecemerlangan di pasaran bersepadu global.

Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia), Datuk Fadilah Baharin, menyifatkan langkah itu boleh melonjakkan eksport selain membantu menyumbangkan 41 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020.

Menurutnya, peranan utama Standards Malaysia yang juga agensi di bawah **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**, adalah bagi menyediakan perkhidmatan piawaian dan akreditasi kepada syarikat Malaysia, termasuk kerangka kerja berkualiti untuk peningkatan aspek pemasaran mereka.

"Selaras pertumbuhan perdagangan pasaran bebas di peringkat global, amalan pematuhan standard sememangnya penting bagi kecekapan industri, produktiviti dan persaingan yang sekali gus membantu PKS meraih keyakinan dan kesetiaan pelanggan," katanya kepada Bernama.

Fadilah turut menyuarakan kebimbangan terhadap PKS di kawasan pinggir bandar yang masih ketinggalan dari segi piawaian berikutan kekurangan maklumat, berdepan kekangan seperti capaian internet yang terhad, pekerja tidak mahir, kurangnya komunikasi dengan persatuan industri serta kurang terbahit dalam persatuan seumpamanya.

"Selaras usaha menjadi sebuah negara maju menjelang 2020, kami mahu melihat persatuan industri yang kukuh dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020) yang mana mereka seharusnya bersedia dan memiliki pengaturan sendiri dengan campur tangan kerajaan yang terhad," katanya.

Malah, bagi menggalakkan lebih banyak PKS akur dengan pematuhan piawaian beberapa siri bengkel menerusi Program Pematuhan Standard Kebangsaan (NSCP) yang mana PKS akan digalakkan mendaftar dengan persatuan perindustrian.

Pada masa ini, kata Fadilah, NSCP menyediakan kepakaran teknikal membabitkan pematuhan piawaian menerusi pembangunan kapasiti untuk pihak PKS serta rakan kerjasama mereka seperti Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia

(SME Corp Malaysia), Malaysian Green Technology Corp, CyberSecurity Malaysia, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

"PKS perlukan persatuan mereka bagi membolehkan kerajaan menyalurkan maklumat serta sebarang kemas kini menerusinya.

"Pada masa itu, menjadi tanggungjawab persatuan mengemukakan kepada ahli masing-masing serta menangani sebarang pertikaian dalam kalangan mereka tanpa campur tangan kerajaan," katanya.

Selain itu, pihak Standards Malaysia juga berharap lebih banyak ujian makmal dapat menerima akreditasi menerusi Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) untuk berkhidmat kepada PKS di pinggir bandar, termasuk di Sabah dan Sarawak.

"Ini bagi membantu pihak kawal selia terbabit melakukan ujian standard, penentu ukuran dan perubahan pada kos yang lebih menjimatkan," katanya.

Menurut Fadilah, pada masa ini ada sejumlah 560 makmal akreditasi aktif di seluruh negara.

"Kami di Standards Malaysia akan terus berkhidmat di balik tabir bagi memastikan produk dan perkhidmatan berkualiti diterima pelanggan," katanya.

Setakat ini, Standards Malaysia sudah mewujudkan 6,184 piawaian yang mana 60 peratus daripadanya selaras dengan piawaian antarabangsa.

-- BERNAMA

Banjir: Lebih 500 dipindahkan di Terengganu

KUALA TERENGGANU 15 Dis. - Hujan lebat yang berterusan sejak semalam menyebabkan banjir kembali melanda negeri ini sehingga memaksa lebih 500 orang dipindahkan ke 14 buah pusat pemindahan di seluruh negeri.

Sehingga awal malam ini, beberapa kawasan di daerah Setiu, Kemaman, Hulu Terengganu, Besut dan Kuala Terengganu terjejas ketika sebilangan sungai melepasi paras amaran dan bahaya manakala beberapa penempatan berdepan dengan banjir kilat ekoran masalah saliran.

Jabatan Meteorologi telah mengeluarkan amaran hujan peringkat jingga (hujan sederhana lebat dan berterusan) di kesemua daerah di negeri ini dan juga Kelantan yang dijangka berlaku sehingga Khamis ini yang memungkinkan gelombang kedua banjir di negeri ini menjadi lebih buruk.

Setakat ini hanya satu pusat pemindahan dibuka di daerah ini iaitu di Dewan Seri Kandi manakala di Setiu melibatkan balai raya Kam-

pung Jelapang, masjid Merbau Menyusut, surau Bukit Nyior, surau Tok Nandong dan surau Kampung Sungai Pinang.

Menurut Bilik Gerakan Bencana Negeri, di Kemaman pula pusat pemindahan dibuka di balai raya Kampung Geliga Baru, Sekolah Kebangsaan Kemasik, rumah pegawai ladang Padang Kubu, masjid lama Padang Kubu dan balai raya JKKK Padang Kubu.

Di Hulu Terengganu, dua pusat pemindahan dibuka iaitu di balai raya Bukit Kolam dan masjid Tok Gebok.

Paras air di Sungai Nerus, Sungai Calok dan Sungai Setiu di beberapa lokasi mula melepasi paras bahaya manakala Sungai Besut, Sungai Setiu, Sungai Marang dan Sungai Dungun telah melepasi paras amaran.

Orang ramai yang ingin mendapatkan bantuan pelbagai jabatan dan agensi serta maklumat perkembangan mengenai banjir termasuk jalan-jalan yang dinaiki air boleh melayari laman etindakan.terengganu.gov.my.



Amaran Hujan Lebat Peringkat Jingga Di Kelantan, Terengganu

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi Malaysia** Isnin mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga di beberapa kawasan di Kelantan dan Terengganu yang dijangka berterusan sehingga Khamis ini.

Menurut kenyataan jabatan itu, hujan sederhana kadangkala lebat dijangka berlaku di Tumpat, Pasir Mas, Kota Baharu, Bachok, Pasir Puteh, Machang, Tanah Merah, Jeli dan Kuala Krai.

Keadaan cuaca yang sama turut dialami di Terengganu iaitu di Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Hulu Terengganu, Marang, Dungun dan Kemaman.

Amaran hujan lebat peringkat kuning juga dikeluarkan di Pahang; Jerantut, Kuantan, Pekan, Rompin dan Johor Timur dijangka berterusan sehingga Khamis ini.

Manakala hujan sekejap-sekejap kadangkala sederhana lebat dijangka berlaku di Sarawak iaitu Kuching, Samarahan, Betong, Sarikei, Sibu, Mukah dan Bintulu bermula esok berterusan sehingga Rabu.

Amaran peringkat Kuning adalah tidak kritikal yang melibatkan hujan yang kadangkala sederhana dan lebat.

Peringkat Jingga juga tidak kritikal dengan hujan sederhana dan lebat yang berterusan manakala peringkat Merah bermaksud amaran peringkat tertinggi dengan hujan lebat yang boleh membawa banjir teruk.

-- BERNAMA



134 Mangsa Banjir Gelombang Kedua Terengganu Dipindahkan

KUALA TERENGGANU, 15 Dis (Bernama) -- Kemaman dan Hulu Terengganu merupakan dua daerah yang terjejas akibat banjir gelombang kedua yang melanda Terengganu hari ini, berikutan hujan tidak berhenti dalam tempoh 24 jam lalu.

Menurut portal Majlis Keselamatan Negara (MKN) Terengganu, sehingga 4 petang sebanyak 134 mangsa daripada 29 keluarga telah dipindahkan di empat pusat pemindahan mangsa banjir yang dibuka sejak pagi Isnin.

Katanya daripada jumlah itu, sebanyak 118 orang daripada kawasan Padang Kubu di Kemaman manakala 16 orang daripada Kampung Bukit Kolam, Hulu Terengganu.

Di Kemaman tiga pusat pemindahan dibuka pagi tadi iaitu Balairaya Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Padang Kubu (34 orang), Berek Pegawai Ladang Padang Kubu (63 orang) dan Masjid Lama Kampung Padang Kubu (21 orang).

Sementara itu, di Hulu Terengganu, sebuah pusat pemindahan telah dibuka tengah hari tadi iaitu di Balairaya Bukit Kolam.

Katanya, keadaan air sungai di kebanyakan sungai utama di Terengganu kian meningkat dan penduduk di tebing sungai dan kawasan rendah diingatkan supaya berjaga-jaga.

Sementara itu, cuaca di sekitar Kuala Terengganu masih hujan dan **Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM)** telah mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga berlaku di seluruh Kelantan dan Terengganu yang dijangka berterusan sehingga Khamis ini.

-- BERNAMA